

Jakim bincang pinda undang-undang keluarga

UM - 5 AUG 2003

Oleh
ABDUL HAFIZ AHMAD

PUTRAJAYA 4 Ogos — Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan mengadakan mesyuarat khas bagi membincangkan kemungkinan meminda Undang-Undang Keluarga Islam ekoran isu perceraian melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pada Jumaat ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Mohamad Shahir Abdullah berkata, mesyuarat itu akan turut melibatkan pengarah-pengarah jabatan agama Islam dari seluruh negara, beberapa wakil pihak perundangan dan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

“Kita akan menjemput Datuk Sheikh Ghazali

Abdul Rahman (Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia - JKSM) dalam mesyuarat pada pukul 3 petang itu,” katanya.

Beliau menjelaskan hal itu pada sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini bagi mengumumkan Festival Nasyid Peringkat Kebangsaan Ke-14 yang akan berlangsung di Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur, Sabtu ini.

Saranan

Mohamad Shahir menengkul mengenai saranan Sheikh Ghazali untuk memperkenalkan hukuman penjara mandatori kepada suami yang melafazkan cerai terhadap isterinya melalui telefon bimbit, kelmarin.

Cadangan itu bertuju-

an memperketatkan hukuman bagi kesalahan melafazkan cerai di luar mahkamah ketika ini yang hanya membawa denda sebanyak 000 atau penjara tidak lebih enam bulan.

Pada minggu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta dan mengkaji sama ada enakmen undang-undang Islam sekarang boleh dipinda supaya mengelakkan disalahkan untuk bercerai.

Mohamad Shahir juga tidak menolak kemungkinan kesemua pihak bersetuju untuk meminda undang-undang sedia ada tetapi ia bergantung kepada hasil yang terbaik dapat dicapai selepas mesyuarat itu.

“Kalau kita dapati sesuatu yang tidak selari

dalam enakmen sedia ada, kemungkinan memindanya tidak dapat dielak. Hasil mesyuarat ini kita cuba pertimbangkan dan ambil apa yang terbaik,” katanya.

Menurut Mohamad Shahir, mesyuarat berkenaan mungkin dapat menemui ruang-ruang tertentu yang boleh diperbaiki walaupun undang-undang sekarang dianggap sudah cukup baik dan relevan.

Memperbaiki

“Kita sedang berusaha ke arah itu untuk memperbaikinya dari semasa ke semasa tetapi yang penting kita tidak mahu sesuatu yang berlaku itu boleh menjejaskan imej Islam dan orang yang terlibat,” katanya.

Kata beliau, pandang-

an Sheikh Ghazali itu akan turut dikaji dalam mesyuarat berkenaan termasuk banyak lagi pendapat lain yang menganggap kadar denda berkenaan perlu dinaikkan.

Bagaimanapun beliau berkata, masyarakat Islam perlu diingatkan bahawa menceraikan isteri melalui SMS bertentangan dengan kehendak al-Quran, budaya bangsa Melayu dan undang-undang keluarga Islam.

“Perceraian macam ini bercanggah dengan kehendak al-Quran sendiri, budaya Melayu dan Islam yang menyuruh umatnya melakukan dengan cara baik dan diterima umum kalau sudah terpaksa,” katanya.